

## KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

### **KUSKOP MENERUSI PERNAS SUNTIK PELABURAN RM5 JUTA BANTU JENAMA FTW RACING KE ARAH KEUSAHAWANAN FRANCAIS**

**PETALING JAYA, 14 MAC 2023**– Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensinya Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) telah memberikan suntikan pelaburan berjumlah RM5 juta kepada FTW Racing sebagai usaha untuk membantu jenama ini ke arah francais. Daripada jumlah ini sebanyak RM2.5 juta telah membolehkan FTW Racing mendapat hak eksklusif bagi jenama Fox Racing untuk Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam Majlis Perasmian Pembukaan Outlet Korporat FTW Racing, berkata, sejak skim pelaburan Pernas diperkenalkan mulai tahun 1998 sehingga kini, Pernas telah melabur dalam 86 syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM977 juta. Bagi tempoh lima tahun dari tahun 2021 sehingga tahun 2025, Pernas telah memperuntukkan RM300 juta untuk tempoh lima (5) tahun iaitu RM60 juta setahun bagi pelaburan ekuiti.

Pada majlis yang sama, FTW Racing turut melancarkan aplikasi baharu untuk para pelanggan menempah dan membeli produk barangan sukan ekstrem dengan lebih mudah dan cepat. Aplikasi tersebut boleh dimuatnaik di *Google Play Store* atau *Apple Store*. Aplikasi ini merupakan aplikasi yang pertama seumpamanya di rantau ini dengan memfokuskan kepada produk-produk aktiviti luar seperti jersi, seluar, kelengkapan keselamatan, topi keledar, motorsikal, basikal dan lain-lain.

Pada tahun 2022, FTW telah mencatatkan jualan sebanyak RM11 juta menerusi penjualan produk untuk jenama-jenama dinyatakan termasuk jenama mereka sendiri. Melalui pemegangan hak eksklusif ini, FTW Racing menasaskan potensi jualan syarikat sehingga empat (4) kali ganda pada tahun ini.

Tambah YB Datuk Ewon, jenis pelaburan tidak terhad kepada syarikat francais, malah Pernas juga mengenal pasti syarikat yang berpotensi untuk difrancaiskan melalui pelaburan seperti FTW Racing. Melalui aktiviti pelaburan strategik, Pernas dapat melahirkan lebih banyak jenama francais baharu dan syarikat tersebut mampu berdaya saing ke peringkat lebih membanggakan,

FTW Ventures Sdn Bhd melalui jenamanya “FTW Racing” iaitu pengedar dan penjual pakaian sukan permotoran, motosikal, alat ganti motosikal, aksesori dan koleksi gaya hidup berjaya mengembangkan perniagaan ke lapan (8) outlet di Indonesia melalui konsep pelesenan. FTW Racing kini turut memiliki lima (5) outlet di Malaysia iaitu di dua (2) outlet di Johor, Pulau Pinang, Pahang dan outlet korporat di Petaling Jaya, Selangor. FTW Racing bakal membuka outlet keenam dan ketujuh di Melaka dan Kota Kinabalu, Sabah pada Mei 2023.

Pernas turut membantu FTW Racing menerusi Projek Xcelerator yang bertujuan membimbing dan membangunkan usahawan berpotensi ke arah francais. FTW Racing kini sedang dalam peringkat untuk mendaftarkan perniagaan francais dan dijangka mengemukakan pendaftaran kepada Pendaftar Francais pada Ogos 2023.

Majlis Perasmian Outlet Korporat dan Aplikasi FTW Racing turut dihadiri oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Dato' Hazimah binti Zainuddin, Pengerusi Pernas.

KUSKOP akan terus memperkukuh penyampaian perkhidmatan dalam memudahcara pelaksanaan inisiatif dan program keusahawanan yang telah dirangka untuk pembangunan keusahawanan francais bagi meningkatkan kesejahteraan dengan membina semula ekonomi berteraskan konsep Malaysia MADANI.

Untuk urusan media, sila hubungi: Hamidah Ibrahim, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik melalui emel, hamidah.ibrahim@pernas.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7941.

---

## **PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)**

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim Pembiayaan Francais untuk perniagaan dan usahawan francais yang merangkumi semua keperluan perniagaan francais termasuk perbelanjaan modal and keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan Ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat nasihat merangkumi sokongan kepada pembangunan usahawan bumiputera dan perniagaan francais untuk meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francoisor dan francaisi dan mengalu-alukan rakan-rakan francais ke Malaysia. Selain itu, Pernas juga menawarkan perkhidmatan lain seperti latihan, penyewaan ruang runcit, pelaburan & pembiayaan hartanah (berkaitan dengan francais) dan pelaburan ekuiti.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francoisor dan francaisi.